# PANDANGAN HIZBUT TAHRIR TENTANG PILIHAN RAYA

[SN164] Esok 8 Mac 2008 adalah hari penentu untuk mengetahui parti manakah yang akan dipilih oleh rakyat Malaysia bagi memerintah untuk jangka masa 5 tahun yang akan datang. Sepanjang tempoh berkempen yang telah berlangsung sejak pembubaran Parlimen, pelbagai peristiwa dan kejadian yang telah berlaku. Caci-mencaci, tuduh-menuduh, hina-menghina, fitnah-memfitnah dan tidak kurang juga insiden pukul-memukul dapat disaksikan. Penipuan semakin merajalela, kebencian semakin membara dan hubungan dengan Allah semakin dilupa. Janji ditabur dan wang ringgit dihambur manakala kasih sayang dan persaudaraan sesama Muslim dikubur. Inilah sedikit dari fenomena pilihan raya yang setiap kali dijalankan, pasti menimbulkan lebih banyak perpecahan dan pergaduhan sesama umat Islam. Dalam kesibukan pilihan raya ini juga, timbul persoalan dan perdebatan di kalangan kaum Muslimin berhubung pandangan Islam mengenai urusan ini. Fatwa dan pandangan terdengar di sana-sini mengenai pilihan raya dan hukum melibatkan diri dengannya. Ada yang mewajibkannya, dengan menggunakan pelbagai dalil bagi menggalakkan rakyat untuk keluar mengundi dan ada yang mengharamkannya kerana mengikut dakwaan mereka perkara ini tidak pernah ada pada zaman Rasulullah. Ada pula yang berpandangan bahawa pilihan raya dibolehkan kerana Islam tidak pernah merincikan perkara (pemerintahan) ini, jadi terpulanglah kepada manusia untuk menentukan cara mereka sendiri dalam memilih pemerintah.

Sebagai sebuah parti politik yang berdakwah untuk mengembalikan semula kehidupan Islam dengan jalan mendirikan semula Daulah Khilafah, Hizbut Tahrir sering di salah fahami, dilabel dan difitnah sebagai sebuah gerakan Islam yang anti pilihan raya atau tepatnya yang mengharamkan pilihan raya. Bagi mereka yang ikhlas dan ingin tahu, ramai yang telah datang berbincang dan berdialog dengan Hizbut Tahrir sendiri berkenaan perkara ini. Selain itu, persoalan yang sama sering diajukan kepada kami di seminar-seminar dan forum-forum terbuka yang kami anjurkan. Segala puji bagi Allah, setelah mendapat penjelasan langsung dari kami, setakat ini ramai yang semakin jelas tentang pendirian Hizbut Tahrir dalam masalah ini. Inilah yang kami harapkan dari umat Islam yang ikhlas, agar mereka datang dan berjumpa sendiri dengan kami, daripada mendengar fitnah dan tohmahan dari luar. Atas permintaan ramai, Sautun Nahdhah hari ini akan menyatakan pendirian Hizbut Tahrir mengenai hukum pilihan raya, agar lebih ramai umat Islam yang ikhlas akan memahami dan membetulkan sikap masing-masing. Kami sedar bahawa nasyrah kecil ini tidak akan dapat memuat semua perkara yang ingin kami sampaikan, namun diharap ia memadai untuk menjernihkan pandangan mereka yang kabur dan keliru selama ini.

## Pilihan Raya Dalam Islam

Persoalan pertama yang perlu dijelaskan di sini adalah, adakah terdapat pilihan raya di dalam Islam? Jawapannya ya, memang terdapat pilihan raya di dalam Islam, walaupun konteks atau cara(uslub)nya agak berbeza dengan yang ada sekarang. Pemilihan suara ramai memang ada dalam Islam. Secara rincinya pemilihan suara ramai (yang sekarang disebut pilihan raya) ini boleh berlaku dalam dua keadaan utama. Pertama, dalam urusan memilih Khalifah sebagai pemimpin tertinggi umat Islam. Kedua, dalam urusan memilih Majlis Syura (Majlis Umat). Namun, perlu difahami di sini bahawa pemilihan Khalifah tidak semestinya dilakukan melalui pemilihan suara ramai, tetapi pemilihan Majlis Umat mesti melalui suara ramai.

Hal ini diambil dari peristiwa pengangkatan para Khulafa' Rasyidin yang menjadi Ijmak Sahabat yang wajib kita ikuti. Semasa pelantikan Abu Bakar, sebahagian besar kaum Muslimin berkumpul di Saqifah Bani Saidah dan terjadi perbincangan di antara mereka. Hasilnya Abu Bakar telah dibai'ah (bai'at in'iqad) menjadi Khalifah. Kemudian pada hari kedua, kaum Muslimin di undang ke Masjid Nabawi, lalu mereka membai'at Abu Bakar di sana (bai'at ta'at). Ketika Abu Bakar merasa

sakitnya akan membawa kepada kematian, beliau telah memanggil kaum Muslimin untuk meminta pendapat mereka mengenai siapa yang akan menjadi Khalifah setelah beliau. Proses pengumpulan pendapat itu berlangsung selama tiga bulan dan akhirnya Abu Bakar mengetahui pendapat majoriti dari kaum Muslimin, lalu beliau menunjuk (mencalonkan) Umar sebagai Khalifah penggantinya. Perlu difahami di sini bahawa penunjukan (pencalonan) Umar bukanlah merupakan akad pengangkatan Umar sebagai Khalifah, kerana ternyata setelah Abu Bakar meninggal, kaum Muslimin datang ke Masjid dan membai'at Umar sebagai Khalifah yang baru. Ertinya, dengan bai'at inilah Umar sah menjadi Khalifah, bukannya dengan pengumpulan pendapat majoriti mahupun dengan pencalonan oleh Abu Bakar. Seandainya pencalonan oleh Abu Bakar merupakan akad kekhilafahan kepada Umar, nescaya tidak lagi diperlukan bai'at dari kaum Muslimin. Tambahan lagi, terdapat nas yang begitu banyak dan jelas dari Rasulullah bahawa sahnya kepimpinan tertinggi umat Islam itu adalah dengan bai'at.

Ketika Umar sakit, beliau telah menunjukkan enam orang sebagai calon Khalifah. Setelah Umar meninggal dan kemudian para calon berkumpul, Abdul Rahman bin Auf mengundurkan diri dan beliau diberi mandat (oleh yang lain) untuk menguruskan pelantikan Khalifah. Lalu beliau mulai meminta pendapat mereka satu persatu. Beliau menanyai mereka seandainya perkara itu diserahkan kepada masing-masing, siapakah di antara mereka yang lebih berhak. Akhirnya jawapannya terbatas pada dua orang iaitu Ali dan Utsman. Abdul Rahman lalu mulai bergerak bertanya pendapat kaum Muslimin keseluruhannya siapakah di antara dua calon tersebut yang mereka kehendaki. Beliau bertanya baik lelaki mahupun perempuan dalam rangka menggali pendapat masyarakat. Abdul Rahman diriwayatkan tidak tidur kerana keluar mengambil pendapat kaum Muslimin. Imam Bukhari meriwayatkan dari jalan al-Miswar bin Mukhrimah yang berkata, "Abdul Rahman mengetuk pintu hingga aku terbangun. Dia berkata, 'Aku melihat engkau tidur. Demi Allah, janganlah engkau menghabiskan tiga hari ini (yakni tiga malam) dengan banyak tidur". Ketika kaum Muslimin melaksanakan solat subuh pada hari yang ketiga tersebut, pembai'atan Utsman selesai dilakukan. Setelah Utsman terbunuh, majoriti kaum Muslimin di Madinah dan Kufah membai'at Ali bin Abi Thalib. Jadi, dengan bai'at ini, Ali sah menjadi Khalifah bagi kaum Muslimin.

Seperkara yang perlu diperhatikan di sini adalah, hanya jawatan Khalifah sahaja yang boleh dibuat melalui pungutan suara ramai. Sedangkan bagi jawatan lain seperti Mu'awin, Wali, Amil, Masalih ad-Daulah, Amirul Jihad, Qadhi dan lain-lain, mereka ini bukan dipilih melalui pilihan raya atau suara ramai, tetapi dilantik oleh Khalifah secara langsung. Hal ini berdasarkan nas yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah dan Khulafa' Rasyidin dalam pelantikan jawatan-jawatan tersebut di dalam pemerintahan mereka. Seperkara lagi yang mesti diperhatikan betul-betul adalah perbezaan di antara bai'at dan pemilihan suara ramai. Pemilihan suara ramai (atau pilihan raya) bukanlah bai'at atau proses bai'at itu sendiri. Pilihan raya hanyalah proses memilih wakil (akad wakalah, bukan akad bai'at) sedangkan bai'at adalah satu akad yang wajib dilakukan oleh kaum Muslimin terhadap Khalifah yang telah terpilih. Nas-nas tentang bai'ah juga berbeza dengan nas-nas tentang bolehnya pilihan raya, di mana terdapat dua jenis akad bai'ah di dalam Islam dan seseorang Khalifah itu dibai'ah untuk 'menerapkan' hukum Allah, bukan untuk 'menggubal' hukum (undangundang). Dan sebagaimana yang telah disebutkan, bai'ah itu hanya diberikan kepada (seorang) Khalifah sahaja, bukan kepada yang lain, tidak sama langsung hakikatnya dengan pilihan raya.

Satu lagi bentuk pilihan raya yang dibenarkan Islam adalah untuk memilih Majlis Syura (Majlis Umat). Majlis Umat adalah majlis yang dianggotai oleh para individu yang mewakili kaum Muslimin dalam memberikan pendapat sebagai tempat merujuk bagi Khalifah untuk meminta nasihat/input mereka dalam pelbagai urusan. Majlis ini juga mewakili umat dalam melakukan muhasabah terhadap Khalifah dan semua pegawai negara. Anggota majlis ini dipilih oleh umat melalui pilihan raya dan bukan melalui pelantikan (oleh pemerintah). Hal ini kerana mereka merupakan 'wakil umat' dalam mengemukakan pendapat (bukan

membuat undang-undang) atau memuhasabah pemimpin. Untuk mengetahui wakil dalam wilayah yang begitu luas manakala mereka tidak dikenal, maka hal ini tidak akan terlaksana kecuali bagi orang-orang yang dipilih untuk menjadi wakil mereka. Tujuan yang menjadi alasan keberadaan Majlis Syura itu adalah mewakili masyarakat secara representatif. Kerana itu, asas kepada pemilihan anggota majlis ini adalah mesti mewakili masyarakat secara representatif (tamtsil li annas), sebagaimana keadaan yang menjadi dasar bagi Rasulullah dalam memilih *nugaba'* (orang yang bertanggungjawab). Dasar kedua adalah mewakili kelompok secara representatif seperti halnya perbuatan Rasulullah dalam memilih wakil dari kaum Muhajirin dan Ansar. Agar orang-orang yang tidak dikenal dapat mewakili individu-individu, kelompok-kelompok dan masyarakat secara representatif, maka hal ini tentunya hanya boleh dilakukan melalui pilihan raya. Semasa peristiwa Bai'ah Aqabah II, kerana kaum Muslimin yang berbai'at itu belum dikenal oleh Rasulullah, lalu urusan pemilihan itu baginda serahkan kepada mereka sepenuhnya, dengan sabda baginda, "Keluarkan (pilihlah) kepadaku 12 orang naqib dari kalangan kalian yang bertanggungjawab atas kaum mereka" [Sirah Ibn Hisyam].

Yang perlu difahami dan diperhatikan betul-betul di sini adalah fungsi Majlis Umat iaitu (i) sebagai majlis syura dan (ii) sebagai majlis muhasabah. Adapun yang dimaksudkan dengan syura (musyawarah) adalah berbincang (sebelum keputusan diambil) untuk meminta dan memberi pendapat (termasuklah dalam urusan melantik Khalifah), dan ia hanya terbatas kepada perkara-perkara yang bersifat mubah dan tidak bertentangan dengan syara' sahaja. Muhasabah pula adalah melakukan peneguran (menegur kesalahan/ kelalaian) Khalifah dan kakitangan negara yang lain, setelah keputusan diambil atau setelah sesuatu polisi diterapkan. Satu lagi perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah Majlis Syura ini bukannya majlis tasyri' (majlis untuk menggubal undang-undang), fungsinya hanya terbatas kepada dua perkara yang disebutkan di atas sahaja. Majlis Syura berbeza sama sekali dengan realiti Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam sistem demokrasi yang mana fungsi utama Parlimen atau DUN adalah untuk membuat undangundang.

#### Pilihan raya Dalam Sistem Demokrasi

Bertolak dari sini, kita mestilah memahami dan membezakan realiti intikhab (pemilihan) di masa Rasulullah dengan realiti intikhab dalam sistem demokrasi yang ada sekarang. Untuk mengetahui hukum syara' mengenai kedudukan pilihan raya sekarang, kita perlulah mengkaji terlebih dahulu realitinya (tahqiq al-manath). Yang pertama sekali, kita mestilah menjernihkan dahulu perbezaan di antara 'pilihan raya' dan 'demokrasi' itu sendiri. Pilihan raya tidak sama dengan demokrasi dan demokrasi tidak sama dengan pilihan raya. Pilihan raya hanyalah salah satu aspek/uslub dalam sistem demokrasi untuk memilih wakil (bukan memilih pemimpin). Manakala demokrasi itu adalah sebuah sistem pemerintahan di mana hak membuat undang-undang berada di tangan manusia. Hukum pilihan raya adalah berbeza dengan

Suara [2] Kebangkitan

hukum demokrasi. Hukum demokrasi jelas haram dalam Islam berdasarkan nas-nas yang qath'i.

Seperkara lagi yang perlu difahami dan dibezakan adalah 'suara majoriti'. Suara majoriti tidak sama dengan demokrasi dan tidak sama dengan pilihan raya. Suara majoriti tidak salah untuk diambil dalam membuat sesuatu keputusan yang bersifat mubah (harus), contohnya majoriti bersetuju melantik A (berbanding B) sebagai pemimpin atau majoriti bersetuju untuk pergi ke suatu tempat dengan menaiki bas (berbanding kereta). Namun suara majoriti akan menjadi haram apabila yang disepakati adalah bertentangan dengan hukum syarak. Contohnya majoriti bersetuju untuk menghukum penzina dengan 6 kali sebatan, atau majoriti bersetuju seorang pencuri dihukum penjara, atau majoriti bersetuju untuk menghalalkan sistem perbankan riba. Dalam aspek menggubal undang-undang, suara majoriti juga menjadi haram walaupun yang dipersetujui (secara majoriti) adalah suatu yang bertepatan dengan hukum syarak. Contohnya majoriti bersetuju untuk menggubal undang-undang bahawa solat itu wajib atau puasa itu wajib atau riba itu haram atau hukum mencuri adalah potong tangan. Ini kerana kewajipan solat dan puasa dan keharaman riba serta potong tangan bagi pencuri adalah datangnya dari Allah sebagai Zat Pembuat undang-undang. Jadi, tidak kira sama ada majoriti bersetuju atau tidak, solat tetap wajib dan riba tetap haram dan pencuri wajib dipotong tangan. Hukum Allah bukan untuk disetujui, diundi atau diluluskan oleh manusia. Hukum Allah merupakan hukum syara' yang wajib dilaksanakan oleh manusia, tidak kira manusia bersetuju atau tidak. Manusia tidak ada sebesar zarah pun hak untuk mencadangkan, apatah lagi menggubal dan mengundi hukum Allah untuk diluluskan secara majoriti.

Menurut Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen berfungsi sebagai badan perundangan (menggubal, meminda dan menghapuskan undangundang). Manakala pilihan raya yang dijalankan dalam sistem demokrasi hakikatnya adalah merupakan pemilihan wakil untuk ke Parlimen/DUN bagi merealisasikan fungsi ini. Dengan kata lain ia adalah pemilihan ahli-ahli majlis tasyri' yakni majlis yang akan membuat, meminda dan menghapuskan undangundang. Jadi, majlis perwakilan (wakil Parlimen atau wakil DUN), fungsi utama mereka (apabila menang) adalah berada dalam majlis tasyri' ini untuk menggubal undang-undang, meminda dan menghapuskannya dan kesemua ini boleh dan 'wajib' dilakukan dengan suara majoriti. Inilah hakikat Parlimen sama ada dari segi undang-undang mahupun amalan. Oleh yang demikian, setelah jelas akan tahqiq al-manathnya, maka barulah hukum syara' bagi pilihan raya dalam sistem demokrasi ini dapat digali dan diselesaikan. Pilihan raya sekarang hakikatnya merupakan suatu bentuk perwakilan (wakalah) di mana masyarakat memilih wakil mereka untuk ke Parlimen/DUN. Untuk sesuatu akad wakalah sah di sisi syara', ia mestilah ada (i) ijab dan kabul (ii) pihak yang diwakili (*muwakkil*) (iii) pihak yang menjadi wakil (wakil) (iv) urusan yang diwakilkan dan (v) bentuk (sighah) perwakilan tersebut.

Adapun mengenai penggubalan undang-undang, ia merupakan aktiviti yang tidak dibolehkan (haram) bagi seorang Muslim untuk melakukannya, tidak kira sama ada dia terlibat secara langsung dalam penggubalan ataupun terlibat dalam pengundian, meskipun undangundang yang digubal itu 'selari' dengan hukum Islam yang mulia (sebagaimana dijelaskan di atas). Ini adalah kerana, ketika hukum Islam diambil untuk diterapkan, ia wajib diambil dari Al-Quran dan Sunah berdasarkan 'aqidah Islam', bukan diambil, dibahas dan diterapkan berdasarkan 'undi majoriti'. Seseorang Muslim tidak dibolehkan membuat undang-undang, sebaliknya kewajiban mereka hanyalah untuk menerima dan menerapkan syariat Allah sahaja dan itu sahaja, tidak kira sama ada ia dipersetujui secara majoriti atau tidak oleh manusia. Oleh itu, hak untuk membuat undangundang (hukum) hanyalah terletak pada Allah sematamata. Tidak ada sesiapapun yang berhak meletakkan dirinya setara dengan Allah 'Azza wa Jalla dalam membuat undang-undang. Allah berfirman, "...hanya Allah jualah yang (berhak) menetapkan hukum...." [TMQ al-An'am (6):57]. Oleh kerana hak membuat hukum (undang-undang) itu tidak ada pada manusia, maka manusia mana pun sama sekali tidak boleh (haram) 'mewakilkan' perkara ini kepada mana-mana orang, dalam apa-apa keadaan sekalipun. Manusia hanya diizinkan Allah untuk mewakilkan 'perkara' yang ia mempunyai hak ke atasnya sahaja. Dan membuat undang-undang bukanlah hak manusia. Ia hanyalah hak mutlak Allah swt semata-mata.

Oleh itu, dengan mengetahui bahawa calon yang dipilih itu akan pergi (diwakilkan) ke Parlimen/DUN untuk membuat undang-undang yang diharamkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka berdasarkan kaedah syara', al-wasilatu ila haram, haram (apa-apa jalan yang menuju kepada haram hukumnya juga haram), ini bermaksud mengundi/mewakilkan calon tersebut adalah haram. Adapun dalam memberikan kepercayaan kepada pemerintahan sekular yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan Allah, memilih pemimpin negara serta mengesahkan pelbagai undang-undang, perjanjian dan juga cukai, seorang Muslim tidak dibolehkan terlibat dengannya. Seorang Muslim tidak boleh mewakilkan atau meletakkan kepercayaan kepada pemerintah yang memerintah dengan selain dari hukum Allah. Menerapkan hukum selain dari apa yang diturunkan Allah merupakan satu bentuk kekufuran, kezaliman dan kefasikan [TMQ al-Ma'idah (5):44, 45, 47]. Allah swt berfirman, "Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan" [TMQ Hud (11):113]

#### Menyertai Pilihan Raya Dalam Demokrasi

Berdasarkan apa yang telah kami jelaskan, kami berpandangan bahawa sebahagian besar dari fungsi ahli-ahli majlis perwakilan melibatkan perkara-perkara yang diharamkan ke atas mereka untuk melakukannya. Ini termasuklah fungsi menggubal undang-undang yang bertolak belakang dari Al-Quran dan Sunnah,

fungsi melantik ketua negara yang tidak berhukum dengan hukum Allah, memberikan kepercayaan kepada pemerintah yang memerintah dengan hukum yang bukan diturunkan oleh Allah dan mengesahkan pelbagai perjanjian dan persetujuan yang dibina atas dasar kufur. Mana-mana orang yang memilih dan terpilih sebagai ahli Parlimen atau DUN untuk menjalankan fungsi-fungsi ini sesungguhnya telah berdosa dan kaum Muslimin tidak dibolehkan untuk menjadikan mereka sebagai wakil, membantu mereka mahupun mengucapkan tahniah kepada mereka sekiranya mereka berjaya.

Bagaimanapun, terdapat satu fungsi dari fungsi-fungsi ahli majlis perwakilan yang dibenar dan diperintahkan oleh syara'. Dan bagi menjalankan fungsi ini, dibolehkan seorang Muslim untuk terlibat di dalam pilihan raya. Ia adalah fungsi mengawas (control) negara dan memuhasabah para pemerintah di mana ini merupakan suatu kewajiban syarak ke atas kaum Muslimin. Ia merupakan hak dan kewajiban majlis perwakilan untuk menjalankannya. Namun demikian, untuk hak dan tanggungjawab ini dijalankan oleh seseorang ahli majlis perwakilan, terdapat syarat-syarat syar'i yang perlu dipenuhi sekiranya seseorang itu ingin mencalonkan dirinya untuk pilihan raya (majlis perwakilan) pada hari ini. Pencalonan hendaklah berpandukan kepada syarat-syarat ini, namun ia (syaratsyarat ini) tidak boleh dijadikan sebagai kebenaran (untuk pencalonan) secara mutlak. Syarat-syarat tersebut adalah:-

(1) Dia mestilah mengisytiharkan bahawa dia akan menggunakan Parlimen sebagai platform untuk berdakwah kepada Islam. (2) Dia mestilah mengisytiharkan dengan jelas dan lantang (tidak cukup dengan niat dan tidak dibolehkan berpura-pura) bahawa ia menolak sistem sekular dan kesemua sistem kufur yang ada. (3) Dia mestilah mengisytiharkan bahawa fungsinya di Parlimen/DUN (jika menang) adalah untuk mengubah sistem kufur dan menggantikannya dengan sistem Islam. (4) Dia akan berkempen hanya dengan apa yang diambil dari Al-Quran dan Sunnah Rasul. (5) Dia tidak akan masuk dalam pencalonan parti sekular atau parti bukan Islam, mahupun bekerjasama dengan mereka, kerana mereka ini adalah penyokong kepada sistem kufur. (6) Dia tidak dibolehkan merapatkan diri dengan badan Eksekutif dan Judikatif (yang keduaduanya menerap dan melaksanakan hukum kufur) dan memasukkan namanya sebagai calon untuk tujuan bermanis muka dengan badan-badan ini yang jelasjelas terdiri dari mereka yang zalim. (7) Bahawa kempennya di sepanjang waktu pencalonannya ini bertujuan agar umat manusia memahami objektifobjektif yang telah disebutkan di atas.

Tambahan dari itu, perlu diperhatikan bahawa proses pilihan raya itu sendiri mestilah mematuhi hukum syara' dari segi tidak ada unsur-unsur perjudian ataupun pengakuan (untuk diikrar/ditandatangani) agar ia taat kepada taghut atau unsur-unsur haram yang lain sebelum membolehkannya menjadi calon. Setelah semua aspek keharaman dapat dihindari, maka bolehlah dia bertanding dan sekiranya dia menang, dia wajib menjadikan Parlimen sebagai platform dalam usaha untuk menghancurkan sistem, perlembagaan dan undang-undang yang dibina di atas asas kekufuran. Parlimen juga mesti dijadikan sebagai platform untuk mengingatkan manusia bahawa kewujudan undangundang dan negara yang diasaskan atas dasar kufur ini merupakan suatu kemungkaran, bahkan ia merupakan ibu kepada segala kemungkaran yang ada dan oleh itu ia wajib dihapuskan dan dibina di atasnya Daulah Islam yang akan berhukum dengan hukum Allah secara kaffah. Daulah yang dimaksudkan ini adalah Daulah Khilafah Rasyidah yang didirikan atas jalan kenabian. Jika dia gagal sekalipun (dalam pilihan raya tersebut) seseorang yang ingin menjalankan fungsi yang mulia ini tidaklah perlu merasa sedih atau terkilan kerana sesungguhnya, platform untuk menjalankan fungsi ini (dakwah kepada Islam) terdapat di manamana dan tidak hanya terbatas di Parlimen/DUN sahaja. Bahkan dengan menjadi ahli Parlimen/DUN, seorang Muslim itu mungkin akan berubah sikap akibat godaan syaithan dengan pelbagai ruang dan peluang serta kekayaan dan habuan dunia yang menanti, yang justeru akan menjerumuskannya kepada azab Allah.

## **Khatimah**

Wahai kaum Muslimin! Sesungguhnya Islam mewajibkan ke atas kita untuk muhasabah para pemerintah dan mengubah mereka melalui jalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam, yakni dengan peperangan pemikiran (sira'ul fikr) dan perjuangan politik (kifah siyasi). Sekiranya ini tidak kalian lakukan, maka pastilah situasi kalian akan menjadi semakin buruk dan Allah akan menghukum kalian di dunia dan akhirat. Sesungguhnya mengubah keadaan kaum Muslimin sekarang bukanlah suatu yang mustahil, seperti mana yang kerap digembargemburkan oleh mereka yang jahil, pengecut dan dalam kesesatan. Mengubah suasana ini merupakan suatu yang mampu dilakukan oleh umat Islam sekiranya umat ini bertawakal kepada Allah dan menjalankan apa yang telah diwajibkanNya ke atas kaum Muslimin. Janganlah rasa putus asa menyelubungi diri kalian sehingga kalian berdiam diri dengan sistem kufur yang mendominasi saat ini. Umat ini, Insya Allah akan disatukan di bawah seorang pemimpin dan satu hari nanti bendera La ilaha illallah Muhammad Rasulullah yang menunjukkan kesatuan akidah dan syariat kaum Muslimin akan berkibar megah di negeri-negeri mereka. Negeri mereka yang bertaburan saat ini Insya Allah akan disatukan dan umat Islam akan dibebaskan dari ketidakadilan sistem kufur yang rosak kepada keadilan Islam. Maka akan wujudlah negara yang satu, Khilafah Rasyidah ala minhaj nubuwwah yang menerapkan Islam dan menegakkan jihad sehinggalah Islam mendominasi dan mengatasi segala deen (cara hidup) yang lain.

wallahua'lam



Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah swt. Tiada Hakcipta dalam Islam. Sebarang pertanyaan dan komen, sila e-mailkan: htm@mykhilafah.com. Sebarang pandangan SMS: taip HTM<jarakkan><pandangan anda> & hantar ke 32244 atau dengan melayari www.mykhilafah.com